

lcosmo 6/3/12 MS 22.



PESAKIT AGE, Nurul Izzatul Sofea Mohd Johari, 4, ditemani oleh ibunya Nurul Firdaus Osman, 32, semasa dirawat di Hospital Tapah apabila AGE menyerang daerah Hilir Perak dan Batang Padang baru-baru ini.

# Cirit-birit jadi petanda maut

Rotavirus mudah berjangkit. Ia merebak melalui sentuhan dengan najis dan seterusnya dijangkiti melalui makanan tercemar, air dan titisan pernafasan.

**J**IKA anak anda mengalami cirit-birit yang kerap dan muntah-muntah, jangan berleghang dan segeralah membawanya ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut. Mereka mungkin dijangkiti rotavirus yang boleh membawa maut.

Awal Februari lalu, negara dikejutkan dengan wabak gastroenteritis akut (AGE) yang telah menyerang dua daerah di Perak. Dua kes kematian tersebut masing-masing melibatkan bayi berusia 10 bulan dan dua bulan.

Virus tersebut dipercayai merebak melalui air. Perak mencatatkan jumlah pesakit yang paling tinggi bagi jangkitan tersebut dengan rekod setakat 16 Februari lalu ialah seramai 3,444 kes.

Jangkitan rotavirus biasanya bermula dengan demam dan diikuti dengan tiga hingga lapan hari cirit-birit dan muntah-muntah. Cirit-birit yang dimaksudkan itu lazimnya menyingkirkan lebih banyak cecair daripada tubuh.

Hampir setiap kanak-kanak akan dijangkiti rotavirus sekurang-kurangnya sekali sebelum menginjak usia lima tahun.

Virus ini telah dikenal pasti sebagai punca utama masalah cirit-birit dan 600,000 kematian akibat rotavirus dicatatkan setiap tahun di seluruh dunia.



Oleh **NURUL IZZA ROSLY**  
izza.rosly@kosmo.com.my

Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sekitar tahun 2000 hingga 2003, sebanyak 10.6 juta kematian berlaku setiap tahun dalam kalangan kanak-kanak berusia kurang lima tahun. Semuanya disebabkan masalah cirit-birit.

Di Malaysia, data Kementerian Kesihatan mendedahkan bahawa di antara tahun 1999 hingga 2000, dianggarkan satu daripada 37 kanak-kanak berusia bawah lima tahun dirawat sebagai pesakit luar akibat rotavirus, manakala satu daripada 67 orang ditahan dalam wad, sementara satu daripada 15,000 orang berdepan dengan kematian.

### Dua hari

Sebaik sahaja kanak-kanak dijangkiti virus tersebut, mereka akan jatuh sakit dalam tempoh dua hari. Jangkitan tersebut mungkin menunjukkan simptom-simptom ringan

ataupun tiada langsung.

Kanak-kanak boleh dijangkiti virus beberapa kali dalam hidup mereka dan jangkitan kali pertama selalunya paling teruk.

"Beberapa simptom yang biasa adalah seperti cirit-birit berdarah, muntah-muntah dengan kerap melebihi tiga jam, suhu badan mencecah 39.4 darjah Celsius ke atas dan tidak bermaya.

"Mereka juga menunjukkan simptom dehidrasi seperti mulut kering, menangis tanpa air mata, kencing sedikit atau tiada langsung serta mengantuk



**CHAI PEI FAN**



**PENCEGAHAN** jangkitan rotavirus sebahagian besarnya adalah melalui amalan kebersihan diri. – Gambar hiasan

yang luar biasa.

"Rotavirus mudah berjangkit. Ia merebak melalui sentuhan dengan najis dan seterusnya dijangkiti melalui makanan tercemar, air dan titisan pernafasan," kata Pakar Perunding Pusat Pediatrik dan Gastroenterologi Hospital Pantai Kuala Lumpur (PHKL), Dr. Chai Pei Fan.

Tambahnya, rotavirus boleh bertahan selama beberapa hari pada permukaan keras dan kering dan ia boleh hidup selama berjam-jam di tangan manusia.

"Cirit-birit yang teruk boleh mengundang dehidrasi terutamanya dalam kalangan kanak-kanak kecil. Jika tidak dirawat, dehidrasi boleh menjadi suatu keadaan yang mengancam nyawa, tan-

pa mengira puncanya.

Tidak ada rawatan ubat yang khusus untuk jangkitan rotavirus, walaupun terapi dehidrasi oral disyorkan. Cecair rehidrasi boleh menggantikan kehilangan mineral lebih berkesan daripada air mahupun cecair lain.

Pei Fan mencadangkan agar kerajaan meneliti keperluan pemberian vaksin rotavirus kepada bayi berumur enam bulan ke bawah sebagai suntikan wajib.

"Sudah tiba masanya kerajaan melihat kepentingan vaksin bagi rotavirus di negara ini seperti pemberian vaksin-vaksin lain.

"Pada masa yang sama ibu bapa perlu lebih serius tentang penjagaan kebersihan anak-anak sepanjang masa," katanya.

◀ Ibu-ibu yang menyusukan bayi pula disarankan meneruskan proses penyusuan kerana ia dapat membantu mencegah jangkitan rotavirus.

Sungguhpun begitu, Pei Fan memberitahu, pemberian vaksin rotavirus kepada bayi di peringkat awal merupakan pencegahan terbaik.

### Jangkitan umum

Dalam pada itu, Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik, Pusat Perubatan KPJ Selangor, Datuk Dr. Zulkifli Ismail memberitahu bahawa rotavirus ialah suatu jangkitan umum yang menyerang manusia terutamanya bayi dan anak kecil.

Menurut beliau, penyelidikan yang dibuat di Jabatan Pediatrik, Pusat Perubatan Universiti Malaya sepanjang 15 tahun lalu dan kaji selidik seluruh negara selama setahun menunjukkan bahawa rotavirus menjadi

punca utama AGE teruk yang menimpa kanak-kanak Malaysia.

“Beberapa zarah virus sudah memadai untuk menyebabkan penularan. Virus ini dapat hidup dalam masa seminggu di luar tubuh manusia.

“Kematian akibat jangkitan rotavirus lazimnya disebabkan kehilangan cecair dan elektrolit berpunca daripada muntah dan cirit-birit yang teruk,” terang Zulkifli.

Pemberian cecair dan elektrolit secara mencukupi dan segera merupakan teras utama dalam rawatan kes rotavirus gastroenteritis.

“Pencegahan jangkitan rotavirus sebahagian besarnya adalah melalui amalan kebersihan diri. Ini termasuk membasuh tangan dengan air dan sabun, minum air yang telah dimasak dan makan makanan yang telah dimasak dengan sempurna.

“Memandangkan sifat rotavirus yang sangat mudah berjangkit, maka amalan kebersihan diri semata-mata mungkin tidak memadai untuk mencegah penularan jangkitan,” ujar beliau.

**KANAK-kanak yang mendekati barang-barang yang telah dicemari dengan kotoran yang mengandungi rotavirus berpotensi untuk dijangkiti.**



**PARA ibu yang masih menyusukan bayi digalakkan meneruskan penyusuan badan bagi meningkatkan antibodi si kecil. – Gambar hiasan**

### Rawatan vaksin

Sejak tahun 2006, dua jenis vaksin rotavirus telah disediakan sebagai pencegahan jangkitan rotavirus. Kedua-dua vaksin tersebut didapati sungguh mujarab dan selamat untuk mencegah jangkitan rotavirus bagi anak-anak kecil.

Banyak negara di dunia termasuk negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, Australia, beberapa negara di Afrika dan Amerika Selatan telah memperkenalkan vaksin rotavirus sebagai sebahagian daripada program pelalian negara bagi semua bayi.

“WHO menggalakkan semua negara untuk menimbangkan memasukkan vaksin rotavirus dalam program pelalian negara sebagai strategi mencegah penyakit cirit-birit pada

anak-anak kecil.

“Kedua-dua vaksin rotavirus ini boleh didapati di Malaysia sejak tiga tahun lalu. Buat masa ini, ia belum menjadi sebahagian program pelalian negara,” jelasnya.

Vaksin ini boleh didapati dalam pasaran swasta namun pengambilan vaksin ini dalam kalangan bayi Malaysia masih sangat rendah.

“Kami menggesa semua ibu bapa di Malaysia agar menimbangkan untuk memberi pelalian kepada bayi mereka berusia kurang daripada enam bulan dengan vaksin rotavirus untuk mencegah jangkitan rotavirus.

“Kami juga ingin menggesa kerajaan Malaysia untuk menimbangkan memasukkan vaksin rotavirus dalam program pelalian negara,” sarannya.



**ZULKIFLI**

# Vaksin rotavirus ketika darurat

DALAM kekalutan ibu bapa yang mahu keadaan anak-anak mereka berada dalam keadaan sihat dan terlindung daripada pelbagai serangan penyakit pembawa maut, mungkin ada antara mereka 'terlupa' atau tidak terfikir langsung mengenai kandungan setiap vaksin yang diberikan kepada anak masing-masing.

Mungkin perkara ini tidak menjadi masalah besar bagi ibu bapa yang bukan beragama Islam, namun bagi mereka yang beragama Islam, daripada mana datangnya sumber sesuatu vaksin itu perlu diselidik terlebih dahulu.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan hukum penggunaan vaksin Biothrax dan vaksin Rotateq yang mempunyai unsur babi dalam proses penghasilannya.

Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan kedua-dua vaksin itu adalah tidak dibenarkan.

Selain penggunaan unsur babi dalam pemrosesan kedua-dua vaksin, situasi ini belum dianggap darurat dan masih terdapat pilihan bahan atau ubat alternatif di pasaran. Pada masa yang sama, tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin itu.

Penjelasan mengenai penggunaan ke-

dua-dua vaksin itu boleh dilihat di portal rasmi Fatwa Malaysia.

Dalam keputusan tersebut dijelaskan bahawa Islam mengharuskan berubat dengan benda-benda yang diharamkan sekiranya dalam keadaan darurat iaitu tiada ubat alternatif yang lain berpandukan firman Allah S.W.T.:

Maksudnya: *Dan tidak ada sebab bagi kamu, yang menjadikan kamu tidak mahu makan sari sembelihan binatang-binatang halal yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan ke atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya. (Surah al-An'am: 119)*

Jumhur Fuqaha' dari Mazhab Hanafi, al-Malikiyyah, pandangan sohih dari Mazhab Syafie dan Hanabilah berpendapat bahawa berubat dengan suatu yang najis seperti arak adalah haram dan tidak harus.

Dalam mempertimbangkan hukum keharusan mengambil benda haram dalam situasi darurat beberapa kaedah *fihiyyah* boleh dijadikan sandaran.

Antaranya ialah kaedah 'darurat mengharuskan perkara yang dilarang'. Dalam situasi sesebuah negara yang memerlukan perlindungan atau pela-

lian daripada ancaman serangan biologi seperti antraks atau serangan cirit-birit dalam kalangan kanak-kanak, kepentingan suntikan BioThrax dan RotaTeq tidak dinafikan sekiranya tiada alternatif lain.

Walaupun penggunaan BioThrax dan RotaTeq mungkin diharuskan, namun pengambilan suatu yang haram semasa darurat dibatasi dengan kaedah 'darurat dinilai sekadar keperluan'.

Pada masa yang sama, orang Islam wajib berusaha bersungguh-sungguh keluar daripada situasi darurat. Berdasarkan kaedah ini, menggunakan suatu yang haram dalam situasi bukan darurat adalah dilarang.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr. Maamor Osman meminta supaya semua doktor merujuk kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sama ada sesuatu vaksin tersebut ada pengesanan halal atau tidak.

"Jakim dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu bekerjasama memberikan maklumat kepada orang ramai supaya mereka lebih jelas mengenai hal ini.



MAAMOR

## Info



● Setiap tahun, rotavirus menyebabkan 125 juta episod gastroenteritis hingga menyebabkan 440,000 kematian di seluruh dunia (kematian seorang kanak-kanak setiap minit)

● Di Malaysia, pada tahun 1999 dan 2000, secara purata 13,936 kanak-kanak dimasukkan ke hospital disebabkan AGE.

● Kadar kematian adalah 2.5 kematian bagi setiap 100,000 kanak-kanak.

"Perlu ada garis panduan jelas mengenai isu ini dan doktor pula perlu merujuk pada majlis fatwa supaya mereka lebih tahu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Tambahnya, sebagai langkah berjaga-jaga, ibu bapa perlu melindungi anak-anak mereka daripada virus tersebut dengan menitikberatkan penjagaan kesihatan selain hindari anak-anak daripada kumpulan yang dijangkiti virus tersebut.